

05 NOV 1997

RASHID HUSSEIN TIDAK TERLIBAT DALAM JUALAN PENDEK

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata tokoh korporat terkenal di negara ini, Tan Sri Rashid Hussein, tidak terlibat dalam kegiatan jualan pendek semasa nilai mata wang dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) jatuh merudum baru-baru ini.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan berkata siasatan Suruhanjaya Sekuriti (SC) terhadap dakwaan kononnya tokoh yang terkenal dalam sektor perbankan itu terlibat dalam kegiatan jualan pendek menunjukkan adalah tidak berasas sama sekali.

"Malah saya yakin bahawa khabar-khabar angin ini digunakan oleh peniaga yang iri hati sesama sendiri membangkitkan isu-isu di antara rakan peniaga mereka. Kita tidak boleh jadikan Dewan ini tempat melayani khabar angin dalam persaingan dan adu domba antara syarikat-syarikat swasta," katanya ketika menggulung perbahasan Belanjawan 1998 bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan pada persidangan Dewan Rakyat di sini.

(Jualan pendek atau jualan jangka turun merujuk kepada tindakan yang diambil oleh seseorang pespekulasi yang menjual saham yang tidak dimilikinya (selalunya dengan meminjam daripada inventori broker) dengan beranggapan bahawa saham tersebut akan jatuh harganya beberapa hari kemudian, dan pada hari tersebut akan dibelinya balik saham itu dengan harga yang murah dan seterusnya akan memulangkan balik saham itu kepada broker)

Anwar menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan anggota-anggota Parlimen mengenai kewibawaan Rashid selaku anggota Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad, badan pelaburan milik kerajaan, kerana tokoh itu kononnya telah mengkhianati negara dengan melibatkan diri dalam kegiatan jualan pendek sehingga nilai mata wang dan pasaran saham jatuh merudum.

Timbalan Perdana Menteri berkata anggota-anggota Parlimen hendaklah berlaku adil terhadap Rashid kerana beliau telah dipilih sebagai anggota Lembaga Pengarah Khazanah Nasional oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berdasarkan pengalaman dan kepakarannya dalam bidang pelaburan.

"Pada peringkat ini untuk berlaku adil, tidak ada alasan sama sekali untuk pertikai kewibawaan beliau (Rashid).

"Terpulang kepada Perdana Menteri memilih untuk melantik mana-mana wakil dalam badan kerajaan termasuk Khazanah. Ini ialah kerana kita mahu kemahiran dan kepakaran yang ada," katanya.

Ketika menjawab soalan Datuk Badruddin Amiruldin (BN-Yan) yang bimbang Rashid akan menggunakan kedudukannya dalam Khazanah untuk kepentingan perniagaannya sendiri, Anwar berkata badan pelaburan kerajaan itu mempunyai syarat dan tatacara yang ketat dalam membuat sebarang keputusan.

Katanya soal kemungkinan Rashid menggunakan kedudukannya juga pernah dibangkitkan kepada Perdana Menteri dan Dr Mahathir tidak bercadang membuat apa-apa keputusan berhubung kedudukan tokoh korporat itu dalam Khazanah Nasional.

Anwar berkata kerajaan juga tidak bercadang mengeluarkan garis panduan supaya mereka yang terlibat dalam perniagaan tidak dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah Khazanah Nasional. -- BERNAMA

AH HJ SIA